



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 8835/36/37  
603-8888 8687/11500  
Laman Web : www.moh.gov.my

Ruj.Kami : KKM.100 - 1/6/3(2)  
Tarikh : 17 Februari 2016

**Semua Pengarah/Setiausaha Bahagian Kanan**  
**Semua Pengarah/Setiausaha Bahagian**  
**Semua Pengarah Kesihatan Negeri**  
**Semua Pengarah Hospital Negeri**  
**Semua Pengarah Institusi Kesihatan**

YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEMBERITAHUAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2016**

**PELAKSANAAN BAYARAN INSENTIF POS BASIK KEPADA  
ANGGOTA PARAMEDIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan telah meluluskan Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) atas kadar RM100 sebulan kepada anggota paramedik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memiliki sijil Pos Basik dalam bidang yang diluluskan bermula tahun 2007. Sehingga kini sebanyak 37 bidang telah diluluskan pembayaran BIPB.

3. Dalam hal yang berkaitan, Bahagian Sumber Manusia telah menerima permohonan pemanjangan BIPB kepada anggota paramedik KKM yang memiliki sijil Pos Basik/pengkhususan daripada institusi selain Institusi Latihan KKM (ILKKM). Anggota yang terlibat telah mengikuti kursus Pos Basik/pengkhususan daripada institusi selain ILKKM semasa berkhidmat di sektor swasta/badan berkanun sebelum menyertai perkhidmatan awam.

4. Sehubungan itu, Mesyuarat Lembaga Pendidikan KKM Bilangan 1 Tahun 2015 yang bersidang pada 19 Jun 2015 telah memutuskan bahawa BIPB hanya dibayar kepada anggota paramedik yang **memiliki sijil Pos Basik daripada ILKKM** di dalam 37 bidang, sebagaimana yang dijelaskan di dalam surat Pemakluman Bahagian Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2013: Garis Panduan Pelaksanaan Pembayaran BIPB Kepada Anggota Paramedik KKM Bil.(7) dlm.KKM-61(1952) Jld. 10 bertarikh 10 Mei 2013.



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : AR 4600

5. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan keputusan ini kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah pentadbiran masing-masing untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHAMMAD JUBRI BIN JAAFAR)**

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

☎ 03-88832629

☎ 03-88888687

✉ jubrij@moh.gov.my

**s.k :**

KSU

KPK

TKSU (P)

TKSU (K)

TKPK (P)

TKPK (KA)

TKPK (P&ST)

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

Pengarah Kanan Keselamatan & Kualiti Makanan